

SOALAN NO: 428

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian]

TARIKH :

SOALAN : 428

Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik kes HIV dan AIDS mengikut pecahan negeri dan kaum bagi tahun 2010 sehingga 2016.

JAWAPAN :

Tuan Yang di Pertua,

Di Malaysia, bilangan terkumpul kes HIV yang dilaporkan di antara tahun 2010 dan Disember 2016 adalah sebanyak 24,206 kes, di mana 91.3% adalah warganegara manakala 8.7% adalah warga asing. Bangsa Melayu (57%) mendominasi jumlah kes HIV diikuti dengan Cina (18.4%) dan India (7.3%). Enam (6) negeri dengan kes HIV tertinggi dalam tempoh tersebut adalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Terengganu, Selangor, Pahang dan Kelantan.

Tuan Yang di Pertua,

Dalam tempoh tujuh tahun yang sama, bilangan terkumpul kes AIDS adalah sebanyak 8,400 kes yang mana 96% adalah warganegara serta majoriti adalah bangsa Melayu (51.4%), diikuti dengan Cina 15.5% dan India (5.4%). Tiga (3) negeri dengan kes AIDS tertinggi adalah Pahang, Kelantan dan Terengganu

Analisa tren kes HIV dan AIDS diantara tahun 2010 dan 2016 menunjukkan penurunan disebabkan oleh pengukuhan program rawatan dan sokongan kepada pesakit HIV dan AIDS yang membolehkan mereka hidup lebih lama dan berkualiti.

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan HIV/AIDS seawal 1985 iaitu setahun sebelum penyakit ini mula dikesan di negara ini sepertimana yang digariskan di dalam siri-siri pelan tindakan atau pelan strategik kebangsaan. Terkini, Pelan Strategik Kebangsaan bagi Mengakhiri AIDS 2016-2030 akan mempergiatkan lagi pengesanan kes di kalangan kumpulan berisiko serta meningkatkan liputan rawatan kepada mereka yang hidup dengan HIV. Adalah tidak mustahil Malaysia boleh mengakhiri AIDS pada tahun 2030 atau lebih awal lagi jika negara mencapai 90-90-90 pada tahun 2020 iaitu 90% mereka yang dijangkiti HIV mengetahui status mereka, 90% dari yang dijangkiti menerima rawatan ARV dan 90% dari mereka yang menerima rawatan mempunyai beban virus yang rendah.